



Liberty
Insurance

Polisi Wang
Terma & Syarat

POLISI INSURANS WANG

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual bersama-sama ini melalui cadangan dan perakuan yang akan menjadi asas kontrak ini dan disifatkan akan digabungkan dalam dokumen ini, telah memohon kepada LIBERTY INSURANCE BERHAD (16688-K) (kemudian daripada ini disebut "Syarikat") untuk insurans yang terkandung kemudian daripada ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama ini sebagai balasan untuk insurans sedemikian.

SEBAGAI BALASAN terhadap Pihak Diinsuranskan yang membayar kepada Syarikat Premium Pertama Syarikat bersetuju tertakluk pada terma, kekecualian, had, syarat dan memorandum yang terkandung dalam dokumen ini atau diendors di sini untuk menanggung rugi Pihak Diinsuranskan sehingga amaun masing-masing yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Had Mana-Mana Satu Kemalangan terhadap:

- (1) kerugian Wang oleh apa-apa sebab pun yang berlaku dalam Situasi dalam Tempoh Insurans dan
- (2) kos pembaikan atau penggantian Peti Besi atau Bilik Kebal yang tidak diinsuranskan dengan cara lain yang berkaitan secara langsung dengan apa-apa kecurian atau cubaan kecurian yang daripadanya berlaku dalam Tempoh Insurans.

Dengan syarat bahawa di luar Waktu Perniagaan Peti Besi atau Bilik Kebal yang mengandungi Wang atau apa-apa bahagiannya hendaklah berkunci dan kuncinya hendaklah pada sepanjang masa disimpan di bawah jagaan peribadi Pihak Diinsuranskan atau pegawai atau pekerja Pihak Diinsuranskan yang bertanggungjawab yang apabila meninggalkan premis hendaklah membawa keluar kunci dari sana.

DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT bahawa Premium Pertama dan semua Premium Pembaharuan yang mungkin diterima dikawal selia berhubung dengan risiko-risiko yang dinyatakan dalam Jadual berserta amaun wang dalam transit dalam setiap tempoh insurans. Rekod yang baik hendaklah disimpan bagi semua wang dalam transit seperti yang ditakrifkan dalam Jadual bersama-sama ini dan Pihak Diinsuranskan hendaklah pada sepanjang masa membenarkan Syarikat memeriksa rekod sedemikian dan hendaklah, dalam masa satu bulan dari tamat tempoh setiap tempoh Insurans, membekalkan Syarikat dengan akaun yang betul bagi semua wang dalam transit yang Diinsuranskan oleh Polisi sepanjang tempoh tersebut. Jika amaun keseluruhan yang telah dipastikan berbeza dengan amaun premium yang telah dibayar perbezaan premium hendaklah dipenuhi dengan bayaran selanjutnya mengikut kadar kepada Syarikat atau melalui bayaran balik oleh Syarikat mengikut mana yang berkenaan, tertakluk pada apa-apa premium minimum bagi tempoh insurans sebagaimana yang mungkin ditakrifkan dengan cara lain dalam dokumen ini.

DENGAN SYARAT SELANJUTNYA bahawa pematuhan dan penunaian yang wajar bagi Peruntukan dan Syarat-syarat Polisi ini dan apa-apa Pengendorsan di sini, yang dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi ini, hendaklah menjadi syarat duluan kepada apa-apa liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini.

KEKECUALIAN

POLISI INI TIDAK MELINDUNGI

1. kerugian atau ganti rugi secara langsung atau secara tidak langsung yang disebabkan oleh atau melalui atau berbangkit daripada
 - (a) perang pencerobohan tindakan musuh asing permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak);
 - (b) perang saudara dahagi kegemparan awam sehingga perkadaran menjadi atau menyebabkan kebangkitan popular pemberontakan tentera pemberontakan penentangan revolusi konspirasi rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa;
 - (c) pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekelan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
 - (d) apa-apa tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan de jure atau de facto melalui kekerasan atau mempengaruhinya melalui tindakan penganas atau keganasan atau penjarahan yang berkaitan dengan mana-mana kejadian yang tersebut sebelumnya.

2. apa-apa kerugian yang disebabkan oleh atau terjadi melalui rusuhan mogok dan kegemparan awam
3. apa-apa kerugian yang diakibatkan oleh atau timbul daripada bank atau mata wang kertas yang dipalsukan
4. kekurangan yang disebabkan oleh kesilapan atau peninggalan atau kekurangan akibat kesilapan perkeranian atau perakaunan atau kerugian yang disebabkan oleh kesilapan dalam penerimaan atau pembayaran
5. kerugian atau ganti rugi oleh atau melalui pakat-sulit atau penggelapan penipuan oleh atau pelepasan penipuan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana orang atau orang-orang yang bekerja dengan Pihak Diinsuranskan.
6. kerugian daripada kenderaan yang tidak dijaga.
7. kerugian daripada apa-apa peti besi atau bilik kebal yang dibuka oleh kunci atau melalui penggunaan butir-butir kombinasi yang salah satunya telah ditinggalkan di premis Pihak Diinsuranskan semasa perniagaan ditutup.
8. apa-apa kerugian berturutan yang berbangkit.
9. apa-apa kerugian, kemusnahan atau ganti rugi atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang diakibatkan atau timbul daripada atau apa-apa kerugian berbangkit yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh atau antara faktor yang menyebabkan sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk proses mampu diri pembelahan nuklear.
10. apa-apa kerugian atau kemusnahan atau ganti rugi secara langsung atau secara tidak langsung yang disebabkan oleh atau antara faktor yang disebabkan oleh atau timbul daripada bahan senjata nuklear.
11. kerugian atau kemusnahan atau ganti rugi terhadap wang yang dihantar melalui pos.

Nota: Untuk perlindungan anda sendiri, sila baca Polisi ini dan Syarat-Syaratnya, dan jika Polisi tidak diisi dengan betul atau tidak menurut niat anda sila kembalikannya ke pejabat untuk diubah.

SYARAT-SYARAT

1. Polisi ini bersama-sama Kekecualian, Peruntukan, Syarat-Syarat, Jadual dan Pengendorsannya hendaklah dibaca sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang ada makna khusus pada mana-mana bahagiannya hendaklah membawa maksud sedemikian di mana sahaja ia mungkin muncul.
2. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil segala langkah beringat yang biasa dan munasabah untuk keselamatan hartanah yang diinsuranskan dan hendaklah setakat yang boleh dilaksanakan menggunakan semua cara untuk melindungi premis semasa harta sedemikian berada di dalamnya. Tambahan lagi Pihak Diinsuranskan hendaklah tidak menyebabkan apa-apa perubahan terhadap tatacara atau langkah beringat yang berkaitan dengan pengangkutan harta tersebut tanpa memaklumkan kepada Syarikat dan mendapat izinnnya terlebih dahulu.
3. Apa-apa pun yang terkandung dalam dokumen ini hendaklah tidak memberikan apa-apa hak menentang Syarikat kepada mana-mana orang selain Pihak Diinsuranskan, dan Syarikat tidak akan terikat dengan apa-apa pemindahan kepentingan Pihak Diinsuranskan dengan cara lain selain dengan kematian, kecuali dan sehingga Syarikat melalui pengendorsan dalam dokumen ini mengisytiharkan Insurans akan diteruskan.
4. Semua notis atau komunikasi yang diberikan di bawah Polisi ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Syarikat.
5. Apabila berlaku apa-apa kejadian yang menimbulkan atau berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis dengan segera tentang hal ini secara bertulis kepada Syarikat dan hendaklah dihantar serah dalam masa tujuh hari atau masa selanjutnya sedemikian sebagaimana yang dibenarkan oleh Syarikat suatu tuntutan dengan butir-butir terperinci sedemikian dan bukti sedemikian sebagaimana yang mungkin dikehendaki secara munasabah termasuk pengesahan oleh Akuan Berkanun jika diminta oleh Syarikat; dan jika tuntutan sedemikian dengan apa-apa cara ada penipuan atau apa-apa muslihat penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Polisi ini semua faedah di bawah bahagian ini dan semua premium yang telah dibayar berhubung dengannya hendaklah dirampas.
6. Pihak Diinsuranskan hendaklah apabila menyedari tentang apa-apa kerugian serta-merta memberi notis kepada Polis dan sama ada dirinya mengambil segala langkah-langkah yang perlu untuk memastikan keadaan memberi perhatian kepada kerugian tersebut dan untuk mendapatkan semula harta yang hilang dan untuk menyediakan pelindung masa depan terhadap harta yang

dilindungi atau melantik beberapa orang yang bertanggungjawab dengan kuasa yang memadai untuk bertindak bagi pihaknya dalam perkara-perkara yang tersebut sebelumnya.

7. Pihak Diinsuranskan akan serta-merta atas permintaan dan perbelanjaan Syarikat melakukan dan bersetuju melakukan semua tindakan dan perkara sedemikian sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarikat secara munasabah dengan tujuan mendapatkan semula apa-apa harta yang hilang atau untuk mengekalkan dan menguatkuasakan apa-apa hak Pihak Diinsuranskan yang mungkin ada terhadap mana-mana orang berhubung dengan apa-apa kerugian sama ada ia telah atau belum dibayar atau diulang ganti oleh Syarikat. Apa-apa pemulihan yang dibuat sama ada oleh Pihak Diinsuranskan atau Syarikat selepas penyelesaian apa-apa tuntutan oleh Syarikat hendaklah kepunyaan Syarikat sehingga tetapi tidak melebihi amaun yang dibayar oleh Syarikat.
8. Sekiranya pada masa kejadian apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat apa-apa insurans lain walau apa pun sifatnya yang melindungi perkara yang serupa, sama ada dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan atau tidak, maka Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab membayar ataupun menyumbang lebih daripada kadaran kena bayar bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi.
9. Pematuhan dan penunaian yang sewajarnya bagi terma, peruntukan syarat dan pengendorsan polisi ini setakat polisi ini berkaitan dengan sesuatu yang perlu dibuat atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran semua pernyataan dan jawapan cadangan hendaklah menjadi syarat duluan kepada apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.
10. Syarikat hendaklah tidak terikat untuk menghantar apa-apa notis Premium Pembaharuan yang telah menjadi genap masa, ataupun untuk memperbaharui Polisi ini.
11. Insurans ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Pihak Diinsuranskan, dalam hal ini Syarikat akan mengekalkan kadar denda mungkir untuk masa Polisi telah dikuatkuasakan. Insurans ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Syarikat dengan menghantar notis tujuh hari melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamat terakhirnya yang diketahui, dalam hal ini Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik atas permintaan suatu kadaran kena bayar bagi premium untuk tempoh yang belum tamat dari tarikh pembatalan.
12. Jika terdapat apa-apa salah nyata dalam atau jika suatu fakta yang material ditinggalkan daripada cadangan untuk Insurans ini, Polisi ini hendaklah menjadi batal dan tidak sah untuk segala maksud dan apa-apa premium dibayar terhadapnya hendaklah dirampas.
13. Tiada perubahan dalam terma Polisi ini dan tiada pengendorsan bersama-sama ini boleh menjadi sah kecuali ia telah ditandatangani atau diparapi oleh wakil Syarikat atau pegawai Syarikat yang diberi kuasa.
14. Segala perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada penimbangtaraan orang yang dilantik oleh kedua-dua pihak atau, sekiranya mereka tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, kepada keputusan dua Penimbang Tara, setiap seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak, dan sekiranya penimbang tara-penimbang tara ini tidak mencapai persetujuan, kepada keputusan Wasit yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara-Penimbang Tara sebelum memulakan perujukan, dan Award hendaklah menjadi syarat duluan terhadap apa-apa liabiliti Syarikat atau apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menolak liabiliti terhadap Pihak Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah ini dan tuntutan sedemikian dalam tempoh 12 bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini, maka tuntutan itu hendaklah untuk semua tujuan dianggap telah ditinggalkan dan hendaklah tidak selepas itu boleh didapati balik menurut dokumen ini.

TAKRIF

WANG hendaklah bermaksud Syiling Kertas Wang Bank dan Mata Wang Kertas semasa Cek Kiriman Wang Kiriman Pos Setem Pos dan Setem Hasil Semasa yang tidak Digunakan yang semuanya milik Pihak Diinsuranskan atau dengan Pihak Diinsuranskan telah menerima liabilitinya.

WAKTU PERNIAGAAN hendaklah bermaksud tempoh sebenar Premis Pihak Diinsuranskan digunakan untuk tujuan perniagaan dan semasa Pihak Diinsuranskan atau pekerjaanya diamanahkan dengan Wang yang berada di dalam Premis.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI
(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

FASAL GANTI RUGI TERHADAP PETI BESI/KABINET/LACI/MESIN DAFTAR TUNAI

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa insurans oleh Polisi ini hendaklah diperluas untuk merangkumi apa-apa kerugian dan/atau ganti rugi untuk mana-mana peti besi, kabinet, laci atau mesin daftar tunai yang disebabkan oleh kecurian, pecah rumah, rompakan dan rompakan bersenjata, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa peluasan ini hendaklah tidak menambah liabiliti Syarikat di bawah item yang dilindungi masing-masing sebagaimana yang diperihalkan dalam jadual Polisi ini dan jumlah liabiliti Syarikat hendaklah tidak melebihi had liabilitinya. Peluasan yang diperuntukkan di bawah fasal ini hendaklah meliputi pengembalian semula peti besi jika ia tidak dapat dibaiki dan kos pemindahan peti besi yang rosak dari premis tersebut.

WARANTI PERLINDUNGAN DAN PENYENGGARAAN PENGGERA PENCEROBOH

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa sepanjang tempoh Polisi ini, premis yang mengandungi kepentingan yang diinsuranskan dilindungi oleh sistem penggera penceroboh yang diluluskan dengan bateri tunggu sedia yang terpasang dan diselenggarakan dalam keadaan berfungsi dengan baik mengikut kontrak penyelenggaraan tahunan.

Sekiranya sistem penggera masih di bawah jaminan pengeluar, Pihak Diinsuranskan hendaklah mengikat kontrak penyelenggaraan tahunan apabila tamat tempoh jaminan dengan pengeluar atau pendedar berdaftar sistem penggera penceroboh. Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab di bawah Polisi ini terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang timbul semasa premis ditutup kepada pelanggan atau pelawat melainkan pada masa sedemikian sistem penggera penceroboh dan semua kunci dan perlindungan lain yang sedia ada di premis berada dalam operasi penuh dan berkesan.

FASAL ANAK KUNCI

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa insurans oleh Polisi ini diperluas untuk melindungi kerugian wang dan/atau barang-barang berharga yang diambil dari peti besi/kabinet/laci/mesin daftar tunai tersebut berikutan penggunaan anak kunci (-anak kunci) atau apa-apa salinannya yang dimiliki oleh Pihak Diinsuranskan sekiranya anak kunci (-anak kunci) sedemikian telah diperoleh melalui ancaman atau keganasan daripada Pihak Diinsuranskan.

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa peti besi/kabinet/laci/mesin daftar tunai tersebut disimpan berkunci kecuali apabila sedang digunakan.

FASAL PEMBERITAHUAN KERUGIAN

Tanpa dipengaruhi oleh apa-apa sahaja yang terkandung dalam dokumen ini yang bertentangan, adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak akan terjejas oleh apa-apa kelewatan, ralat atau peninggalan yang tidak disengajakan dalam memberitahu Penanggung Insurans tentang apa-apa keadaan atau kejadian yang menimbulkan atau berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini.

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa pemberitahuan sedemikian diberikan sebaik sahaja boleh dilaksanakan apabila kejadian sedemikian diketahui oleh Pihak Diinsuranskan.

FASAL TAK MENYUMBANG

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Polisi ini hendaklah tidak menyumbang kepada apa-apa kerugian sebagaimana yang diinsuranskan dalam dokumen ini yang telah diinsuranskan secara lebih khusus oleh pelanggan Pihak Diinsuranskan atau pihak berkepentingan yang lain. Sekiranya berlaku kerugian, Polisi ini akan hanya membayar lebihan had sedemikian di bawah Polisi yang diatur secara khusus (digabungkan jika lebih daripada satu polisi terlibat) sehingga had maksimum sebagaimana yang diinsuranskan di bawah Polisi ini.

PENGENDORSAN WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi syarat khas yang asas dan mutlak bagi kontrak insurans ini bahawa premium yang genap masa mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi/pengendorsan/ perakuan pembaharuan ini. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini terbatal secara automatik dan Penanggung Insurans hendaklah berhak mendapat premium pro rata untuk tempoh risiko yang ditanggungnya.

Sekiranya premium kena dibayar merujuk waranti ini diterima oleh ejen berdaftar Penanggung Insurans, pembayaran tersebut hendaklah dianggap diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium kena dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans yang tidak berdaftar untuk menerima premium sedemikian hendaklah terletak pada Penanggung Insurans. Tertakluk sebaliknya pada terma dan syarat Polisi ini.

NOTIS PENTING

Perhatian anda dikehendaki bagi waranti premium enam puluh (60) hari yang dilampirkan dengan Polisi.

Dengan waranti ini, Polisi insurans terbatal secara automatik melainkan premium penuh dibayar kepada Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan. Sila ambil perhatian bahawa jika insurans ini diuruskan melalui broker insurans anda, broker bertindak bagi pihak anda untuk tujuan pembentukan kontrak insurans ini. Adalah mustahak bagi anda membuat pembayaran penuh premium kepada broker anda secepat mungkin dan dalam apa-apa hal dalam masa enam puluh (60) hari tempoh waranti premium untuk membolehkan broker anda meremitkan premium dengan segera kepada Penanggung Insurans anda. Anda dinasihatkan supaya meminta broker anda untuk membekalkan anda dengan resit broker dan Penanggung Insurans bagi premium yang telah anda dibayar.

Pengendorsan/Fasal/Waranti (Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

FASAL PAKAIAN/BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian untuk pakaian/ barang-barang persendirian bagi mana-mana pekerja Pihak Diinsuranskan sehingga amaun maksimum yang dinyatakan dalam Jadual berkaitan dengan mana-mana orang yang mengalami kerugian sedemikian yang disebabkan oleh serangan sehubungan dengan rompakkan ke atas orang itu semasa orang sedemikian melindungi wang yang diinsuranskan oleh Polisi ini.

WARANTI KESELAMATAN

Dengan syarat:-

- 1) untuk bawaan antara RM6,000.00 dengan RM25,000.00 wang dibawa di dalam kenderaan bermotor diiringi oleh sekurang-kurangnya dua orang pekerja yang bertanggungjawab.
- 2) semua bawaan antara RM25,000.00 dengan RM30,000.00 dijalankan oleh mana-mana organisasi yang menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan.
- 3) untuk bawaan lebih daripada RM30,000.00 sama ada khidmat polis atau pengiring bersenjata lain digunakan. Tertakluk sebaliknya pada terma kekecualian dan syarat Polisi ini.

FASAL PELANJUTAN UTUSAN MELARIKAN DIRI

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa perlindungan insurans yang diperuntukkan termasuk kerugian akibat pengutus melarikan diri dengan syarat kerugian sedemikian ditemui dalam masa tujuh (7) hari bekerja selepas kejadiannya.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

FASAL PEMASUKAN AUTOMATIK LOKASI BARU

Lokasi tambahan akan secara automatik dilindungi sehingga had maksimum liabiliti yang diinsuranskan di bawah Polisi ini dengan syarat notis tambahan sedemikian dimaklumkan oleh Pihak Diinsuranskan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan lokasi baru dan premium tambahan yang sewajarnya dibayar.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA (PETI BESI SAHAJA)

Dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian atau ganti rugi terhadap peti besi Pihak Diinsuranskan yang membolehkan tuntutan dibuat di bawah Polisi ini tanggung rugi hendaklah dihitung berdasarkan kos menggantikan atau mengembalikan semula peti besi sedemikian daripada jenis yang serupa tetapi tidak lebih baik mutu atau lebih mahal daripada nilai peti besi Pihak Diinsuranskan semasa baru.

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

FASAL KECURIAN MELALUI PERDAYAAN (PENIPUAN)

Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh atau dianggap berpunca daripada tindakan oleh mana-mana orang dalam maksud penipuan bagi takrif kesalahan penipuan yang ditetapkan dalam Kanun Jenayah.

Penipuan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Jenayah adalah seperti yang berikut:-

"Barang siapa, dengan memperdayakan mana-mana orang, secara tipu muslihat atau secara tidak jujur menyebabkan orang itu terpedaya untuk menyerahkan apa-apa harta atau dengan sengaja menyebabkan orang terpedaya untuk melakukan sedemikian atau

sengaja tidak melakukan sesuatu yang dia tidak akan buat atau sengaja tidak buat, dan perbuatan atau peninggalan ini menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan kerugian atau mudarat terhadap orang berkenaan dari segi jasad, minda, reputasi atau harta, dikatakan 'menipu'."

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

FASAL JENAYAH PECAH AMANAH

Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh atau dianggap berpunca daripada tindakan oleh mana-mana orang dalam maksud penipuan bagi takrif kesalahanpecah amanah jenayah yang ditetapkan dalam Kanun Jenayah. Jenayah Pecah Amanah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Jenayah adalah seperti yang berikut:-

"Barang siapa, yang dalam apa-apa cara diamanahkan dengan harta atau dengan apa-apa kuasa ke atas harta, secara tidak jujur, menggelapkan atau menukar kepada kegunaannya sendiri harta itu, atau secara tidak jujur menggunakan atau menjual harta itu dengan melanggar mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan cara amanah sedemikian harus dilaksanakan, atau bagi apa-apa kontrak sah, tersurat atau tersirat, yang dia telah lakukan berkenaan pelaksanaan amanah sedemikian, atau dengan sengaja menyebabkan mana-mana orang lain untuk berbuat demikian, melakukan ' jenayah pecah amanah '."

Tertakluk sebaliknya pada terma syarat dan kekecualian Polisi ini.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI (Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

PELUASAN FAEDAH KEMALANGAN DIRI

Kemalangan diri melindungi pekerja yang terlibat dalam penghantaran wang di bawah Polisi ini.

Sebagai balasan bagi pembayaran premium tambahan, Polisi ini hendaklah diperluas untuk melindungi pekerja(-pekerja) Pihak Diinsuranskan yang terlibat dalam pengangkutan cek dan/atau tunai kepunyaan Pihak Diinsuranskan atau dengan cara lain diinsuranskan di bawah Polisi ini untuk kematian dan/atau hilang upaya sebagaimana yang ditakrifkan di bawah dalam dokumen ini yang timbul daripada atau akibat daripada apa-apa kemalangan yang disebabkan oleh cara-cara malang yang tidak sengaja dan nampak atau akibat daripada pembunuhan, serangan atau percubaan melakukannya, termasuk mogok, rusuhan, kegemparan awam, adalah difahami dan dipersetujui bahawa insurans yang dibenarkan oleh peluasan ini hendaklah berkuat kuasa hanya semasa pekerja(-pekerja) mengikuti arahan Pihak Diinsuranskan benar-benar dan secara aktif terlibat berhubung dengan pengangkutan cek dan/atau tunai seperti yang dinyatakan dalam Polisi yang dilampirkan.

DENGAN SYARAT:-

- (A) Peluasan ini hendaklah tidak melindungi lebih daripada bilangan pekerja -pekerja yang dinyatakan pada satu-satu masa dan masa yang sama semasa atau untuk pengangkutan yang sama.
- (B) Pekerja yang diinsuranskan hendaklah bebas daripada kecacatan fizikal dan/atau keuzuran.
- (C) Pekerja yang diinsuranskan hendaklah tidak berumur di bawah 16 tahun atau lebih daripada 60 tahun. Jumlah modal yang diinsuranskan: Sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual Polisi ini.

Faedah Pampasan Boleh Dibayar Faedah Pampasan

Peratusan Boleh Dibayar Bagi Jumlah Modal Diinsuranskan

Sekiranya kecederaan dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar dari kejadiannya menjadi penyebab langsung dan tunggal:

- | | |
|--|------|
| 1. Kematian | 100% |
| 2. (A) Hilang upaya menyeluruh berkekalan, iaitu, kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan dalam kedua-dua mata. | 100% |

Atau

- (B) Kehilangan melalui pemutusan fizikal di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau salah satu tangan atau salah satu kaki

Atau

| | |
|---|------|
| (C) Kehilangan dengan cara yang tersebut di atas salah satu tangan atau kaki bersama-sama dengan kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan pada salah satu mata. | 100% |
| Atau | |
| (D) Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan berkekalan daripada melakukan apa-apa pekerjaan atau guna tenaga | 100% |
| 3. Hilang upaya separa yang berkekalan, iaitu kehilangan melalui pemutusan fizikal:- | |
| (A) Seluruh tangan atau tangan di atau di atas pergelangan tangan | 50% |
| (B) Seluruh kaki atau kaki di atau di atas pergelangan kaki | 50% |
| (C) Kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan pada salah satu ma | 50% |
| (D) Kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi pendengaran pada kedua-dua telinga | 50% |
| (E) Kehilangan satu ibu jari bersama-sama sendi | 20% |
| (F) Kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi pendengaran pada salah satu telinga | 10% |
| (G) Kehilangan jari telunjuk di atau di bawah sendi yang kedua | 8% |
| (H) Kehilangan mana-mana jari tangan yang lain | 5% |
| (I) Kehilangan ibu jari kaki bersama-sama sendi | 5% |
| (J) Kehilangan mana-mana jari kaki lain | 3% |

Kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi penggunaan mana-mana anggota atau anggota-anggota yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota atau anggota-anggota yang sedemikian.
DENGAN SENTIASA MENJADI SYARAT BAHAWA:-

Pampasan hendaklah tidak dibayar:

- 1) Di bawah faedah 1 hingga 3 jadual ini, melainkan kematian atau kehilangan terjadi dalam masa tiga (3) bulan kalendar dari tarikh kecederaan.
- 2) Di bawah faedah 1 hingga 3, jumlah maksimum boleh dibayar hendaklah tidak melebihi 100% daripada jumlah modal yang diinsuranskan.
- 3) Selepas tuntutan telah dibuat dan menjadi kena dibayar bawah faedah 1, 2 atau 3 jadual ini, tiada lagi pembayaran di bawah peluasan ini boleh dibuat kepada Syarikat. Peluasan ini hendaklah secara automatik dianggap sebagai tidak sah dan Pihak Diinsuranskan tidak berhak mendapat pulangan premium.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI

(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

PELUASAN FAEDAH KEMALANGAN DIRI (DENGAN PERLINDUNGAN HILANG UPAYA KESELURUHAN SEMENTARA)

Kemalangan diri melindungi pekerja yang terlibat dalam penghantaran wang di bawah Polisi ini.

Sebagai balasan bagi pembayaran premium tambahan, Polisi ini hendaklah diperluas untuk melindungi pekerja(-pekerja) Pihak Diinsuranskan yang terlibat dalam pengangkutan cek dan/atau tunai, untuk kematian dan/atau hilang upaya sebagaimana yang ditakrifkan dalam dokumen ini yang timbul daripada atau akibat daripada apa-apa kemalangan yang disebabkan oleh cara-cara malang yang tidak sengaja dan nampak atau akibat daripada pembunuhan, serangan atau percubaan melakukannya, mogok, rusuhan, kegemparan awam, adalah difahami dan dipersetujui bahawa insurans yang dibenarkan melalui peluasan ini hendaklah berkuat kuasa hanya semasa pekerja(-pekerja) mengikuti arahan Pihak Diinsuranskan benar-benar terlibat dengan pengangkutan cek dan/atau tunai seperti yang dinyatakan dalam Polisi yang dilampirkan.

Dengan syarat:

- (A) Peluasan ini hendaklah tidak melindungi lebih daripada bilangan pekerja (-pekerja) yang dinyatakan pada satu-satu masa dan masa yang sama semasa atau untuk pengangkutan yang sama.
- (B) Pekerja yang diinsuranskan hendaklah bebas daripada kecacatan fizikal dan/atau keuzuran.

- (C) Pekerja yang diinsuranskan hendaklah tidak berumur di bawah 16 tahun atau lebih daripada 60 tahun.
Jumlah modal yang diinsuranskan: Sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual Polisi ini.

Faedah Pampasan Boleh Dibayar
Faedah Pampasan

Peratusan Boleh Dibayar
Bagi Jumlah Modal
Diinsuranskan

Sekiranya kecederaan dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar dari kejadiannya menjadi penyebab langsung dan tunggal:-

| | |
|--|-------|
| 1. Kematian | 100% |
| 2. (A) Hilang upaya menyeluruh berkekalan, iaitu, kehilangan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan dalam kedua-dua mata | 100% |
| Atau | |
| (B) Kehilangan melalui pemutusan fizikal di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau salah satu tangan dan salah satu kaki | 100% |
| Atau | |
| (C) Kehilangan dengan cara yang tersebut di atas salah satu tangan atau kaki bersama-sama dengan kehilangan menyeluruh yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan pada salah satu mata | 100 % |
| Atau | |
| (D) Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan berkekalan daripada melakukan apa-apa pekerjaan atau guna tenaga | 100% |
| 3. Hilang upaya separa yang berkekalan, iaitu kehilangan melalui pemutusan fizikal:- | |
| (A) Seluruh tangan atau tangan di atau di atas pergelangan tangan | 50% |
| (B) Seluruh kaki atau kaki di atau di atas pergelangan kaki | 50% |
| (C) Kehilangan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan bagi semua penglihatan pada salah satu mata | 50% |
| (D) Kehilangan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan bagi pendengaran pada kedua-dua telinga | 50% |
| (E) Kehilangan satu ibu jari bersama-sama sendi | 20% |
| (F) Kehilangan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan bagi pendengaran pada salah satu telinga | |
| (G) Kehilangan jari telunjuk di atau di bawah sendi yang kedua | 8% |
| (H) Kehilangan mana-mana jari tangan yang lain | 5% |
| (I) Kehilangan ibu jari kaki bersama-sama sendi | 5% |

Kehilangan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan bagi penggunaan mana-mana anggota atau anggota-anggota yang dinyatakan di atas hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota atau anggota-anggota sedemikian.

4. (A) Hilang upaya menyeluruh yang sementara, iaitu, jika kecederaan sedemikian dari tarikh kemalangan secara menyeluruh dan berterusan menghilangkan keupayaan dan menghalang pekerja Pihak Diinsuranskan daripada melibatkan diri dalam atau menguruskan apa-apa perniagaan atau melakukan apa-apa pekerjaan, syarikat hendaklah membayar kepada Pihak Diinsuranskan pampasan mingguan pada kadar RM60.00 setiap minggu.

PENGENDORSAN/FASAL/WARANTI

(Tidak termasuk dalam Polisi kecuali ditetapkan dalam Jadual)

PELUASAN FAEDAH KEMALANGAN DIRI (DENGAN PERLINDUNGAN HILANG UPAYA MENYELURUH SEMENTARA) — SAMBUNGAN

- (B) Hilang upaya menyeluruh sementara, iaitu, jika kecederaan sedemikian dari tarikh kemalangan atau sebaik sahaja berikutan tempoh hilang upaya menyeluruh yang dilindungi di bawah faedah 4(A), berterusan menghilangkan keupayaan dan menghalang pekerja Pihak Diinsuranskan daripada menguruskan sebahagian besar daripada perniagaan atau pekerjaannya yang biasa, syarikat hendaklah membayar bagi tempoh hilang upaya separa yang berterusan sedemikian sehingga satu per tiga tanggung rugi setiap minggu yang dinyatakan dalam faedah 4(A).

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa:-

1. Pampasan hendaklah tidak dibayar:-
 - (A) Di bawah faedah 1 hingga 3 jadual ini, melainkan kematian atau kehilangan terjadi dalam masa tiga (3) bulan kalendar dari tarikh kecederaan.
 - (B) Di bawah faedah 4(A) dan (B) jadual ini berkaitan dengan mana-mana satu kecederaan yang melebihi 104 minggu dari permulaan hilang upaya.
 - (C) Di bawah faedah 4(A) dan (B) jadual itu sehingga jumlah amaunnya telah dipastikan dan dipersetujui,
2. Di bawah faedah 1 hingga 3, jumlah maksimum boleh dibayar hendaklah tidak melebihi 100% daripada jumlah modal yang diinsuranskan.
3. Pihak Diinsuranskan hendaklah tidak berhak mendapat pampasan di bawah lebih daripada satu faedah 1 hingga 4 yang tersebut sebelumnya berhubung dengan mana-mana satu kemalangan kecuali bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah berhak menerima pampasan di bawah faedah 4(B) untuk tempoh yang berturutan dengan tempoh faedah di bawah 4(A).
4. Apa-apa jumlah yang boleh dibayar di bawah faedah 4 hendaklah ditolak daripada apa-apa jumlah yang menjadi kena dibayar di bawah faedah 1 hingga 3 jadual ini.
5. Selepas tuntutan telah dibuat dan menjadi kena dibayar bawah faedah 1, 2 atau 3 jadual ini, tiada lagi pembayaran di bawah Polisi ini boleh dibuat kepada syarikat. Polisi ini hendaklah secara automatik disifatkan sebagai tidak sah dan Pihak Diinsuranskan tidak berhak mendapat pulangan premium.

FASAL PENGEMBALIAN SEMULA KERUGIAN

Sebagai balasan Pihak Diinsuranskan mengaku janji untuk membayar premium tambahan pada kadar yang dipersetujui bagi jumlah kerugian yang dihitung pada asas pro rata dari tarikh kerugian sedemikian sehingga tamat tempoh insurans semasa, adalah dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian, insurans di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuat kuasa untuk jumlah penuh yang diinsuranskan.

PENGENDORSAN ROMPAKAN

Tanpa mengambil kira oleh apa-apa sahaja yang terkandung dalam dokumen ini yang bertentangan, dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluas untuk melindungi kerugian risiko rompakkan di dalam premis yang diperihalkan dalam dokumen ini.

Seterusnya diperakui dan dipersetujui bahawa perkataan 'Rompakan' hendaklah bermaksud mengambil harta yang diinsuranskan:-

- (A) Dengan menggunakan keganasan terhadap penyimpan
 - (B) Dengan meletakkannya dalam ketakutan keganasan
 - (C) Daripada penyimpan yang telah dibunuh atau dijadikan tidak sedarkan diri
- Adalah difahami dan dipersetujui bahawa perkataan 'Rompakan' hendaklah dianggap termasuk rompakkan bersenjata dan/atau rompakkan.

FASAL MOGOK, RUSUHAN DAN KEGEMPARAN AWAM

Adalah difahami bahawa tertakluk dengan cara lain pada terma, kekecualian, peruntukan dan syarat yang terkandung Polisi ini atau diendors dalamnya dan tertakluk pada Pihak Diinsuranskan membayar premium tambahan yang dipersetujui Polisi ini hendaklah diperluas untuk memasukkan kerugian atau ganti rugi terhadap kepentingan yang diinsuranskan yang secara langsung timbul daripada atau disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kegemparan awam yang bagi tujuan fasal ini hendaklah bermaksud:-

1. Tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan terhadap keamanan awam (sama ada berhubung dengan mogok atau sekat masuk atau tidak) yang bukannya kejadian yang disebut dalam kekecualian di bawah.
2. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang dibentuk secara sah dalam menumpaskan atau cuba menumpaskan apa-apa gangguan sedemikian atau dalam meminimumkan akibat apa-apa gangguan sedemikian.
3. Tindakan sengaja mana-mana pemogok atau pekerja sekat masuk lanjutan daripada mogok atau dalam tentangan untuk sekat masuk.
4. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang dibentuk secara sah dalam menghalang atau cuba menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau dalam meminimumkan akibat apa-apa tindakan sedemikian.

KEKECUALIAN

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi kepada kepentingan yang diinsuranskan yang disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada, secara langsung atau secara tidak langsung, mana-mana kejadian yang berikut:-

- (A) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak).
- (B) Dahagi, kegemparan awam sehingga perkadarannya menjadi atau menyebabkan kebangkitan popular, pemberontakan tentera, pemberontakan, penentangan revolusi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
- (C) Tindakan pengganas oleh seseorang atau beberapa orang yang bertindak bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi.

Untuk tujuan syarat ini, "Pegganas" bermaksud penggunaan kekerasan untuk matlamat politik dan termasuk apa-apa penggunaan kekerasan yang bertujuan meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Dalam apa-apa tindakan, tindakan guaman atau prosiding lain, sekiranya Syarikat mengatakan bahawa atas sebab peruntukan dalam syarat ini apa-apa kerugian atau ganti rugi tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan bahawa kerugian atau ganti rugi sedemikian dilindungi hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

Saluran Aduan Dan Rungutan

Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan terhadap Syarikat mengenai urusan yang tidak adil, Anda bolehlah menghubungi atau menulis sama ada:-

- a) **Customer Complaints Unit / Unit Aduan Pelanggan**
Liberty Insurance Berhad,
Tingkat 10, Menara Liberty
1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-2619 9000 (G/L) Ext. 9170 or 1-300-888-990
No. Faksimili : 03-2693 2893

- b) **Customer Services Bureau (CSB)**
Consumer and Market Conduct Department
Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran, 7A Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2698 8044
Fax No.: 03-2694 5986

- c) **Ombudsman for Financial Services (664393P)/**
Biro Pengantaraan Kewangan (664393P)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2272 2811
Fax No.: 03-2272 1577